



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)

MEMO


Rujukan : TPB 27/2006
Tarikh : 11 Februari 2007

Daripada : Timbalan Pengurus Besar

Kepada : Pengurus Hartanah dan Prasarana
Pengurus Industri Desa dan Usahawan
Pengurus Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
Pengurus Kewangan
Pengurus Perancangan dan Penyelarasian
Pengurus Niagatani
Pengurus Pembasmian Kemiskinan
Pengetua Pusat Latihan
Pegawai Pembangunan Zon 1 - 7

Tuan,

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN



Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Pagi Mingguan Bil. 3/2007 mengambil berat mengenai perbelanjaan pengurusan yang sentiasa meningkat. Mesyuarat bersetuju supaya langkah-langkah penjimatan dibuat bagi perkara-perkara berikut :

- 2.1 **Tuntutan perjalanan** – semua aktiviti atau program perlu dirancang oleh bahagian/zon. Lawatan atau pemantauan dibuat bersekali dengan bahagian atau zon bagi memaksimumkan pengurusan masa lawatan serta pergerakan pegawai. Pengurus-pengurus bahagian/pegawai pembangunan zon perlu mengawasi tuntutan selaras dengan kuota yang diperuntukkan oleh Bahagian Kewangan kepada setiap bahagian/zon.
- 2.2 **Bekalan elektrik** – setiap bahagian dan zon mesti memastikan bekalan elektrik di bahagian dan zon masing-masing di peringkat minima dan menutup suis lampu ketika tidak digunakan dan pada waktu rehat.
- 2.3 **Bekalan air** – setiap bahagian dan zon hendaklah mempastikan penggunaan air secara berhemah tanpa membazir.

- 2.4 Penggunaan telefon – gunakanlah telefon yang disediakan untuk tujuan rasmi sementara urusan peribadi menggunakan telefon bimbit sendiri atau membayar setiap panggilan peribadi.
- 2.5 Penghantaran surat-surat atau dokumen dari dan kepada ibu pejabat hendaklah menggunakan perkhidmatan penghantaran melalui pos atau faks. Penghantaran secara serahan tangan adalah tidak digalakkan kecuali beserta urusan rasmi yang lain.
2. Pengurus-pengurus bahagian dan Pegawai zon diminta supaya memantau demi menjamin matlamat penjimatan akan tercapai.

Sekian, terima kasih.



(ABD RAHIM BIN MUHD ZAIN)

s.k. Pengurus Besar